

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

### Konsep Payung Rahmah diperkukuh tangani cabaran kos sara hidup

# Konsep Payung Rahmah diperkukuh tangani cabaran kos sara hidup

**Kuala Lumpur:** Konsep Payung Rahmah akan terus diperkukuhkan oleh kerajaan, bagi menangani cabaran kos sara hidup, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, inisiatif cetusan idea Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, itu akan menjadi pembakar semangat kepada Kerajaan Perpaduan untuk melakukan yang terbaik demi negara.

“Semua yang mengenali beliau, amat terkesan sekali dengan pemergian tokoh hebat ini. Kerja keras dan kesungguhan beliau dalam menangani beban sara hidup rakyat akan menjadi pembakar semangat untuk kita semua melakukan yang terbaik

untuk Malaysia tercinta,” kata beliau.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat di sini hari ini.

Salahuddin, 61, meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar, Kedah pada Ahad lepas selepas ditidurkan susulan pembedahan akibat pendarahan otak.

#### Inisiatif jangka pendek

Ketika hayatnya sebagai Menteri, Salahuddin amat komited dalam memperjuangkan nasib rakyat, terutama berkaitan kos sara hidup.

Anwar berkata, konsep Payung Rahmah adalah di antara inisiatif sasaran jangka pendek da-

lam Ekonomi MADANI, sudah digerakkan bagi menangani isu-isu segera yang mengesankan rakyat.

Selain itu, katanya, pelaksanaan projek sekolah dan klinik daif yang mana pelbagai usaha dilakukan kerajaan, termasuk menambah peruntukan, memudahkannya tatabaca perolehan serta menurunkan kuasa pelaksanaan bagi mempercepat pelaksanaannya.

“Selain itu) ia untuk menoktahkan kemiskinan tegar tahun ini juga. Usaha sudah digerakkan menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) supaya isi rumah miskin tegar punyai peluang meningkatkan pendapatan mereka, dan tidak hanya semata-mata menerima bantuan tunai langsung,” katanya.